

SPESIFIKASI TEKNIKAL

SEBUTHARGA BIL. 9/2022

PROGRAM PENINGKATAN KAUNSELOR KHIDMAT NASIHAT (BC UPSCALING PROGRAMME) SME CORPORATION MALAYSIA 2022

1. OBJEKTIF PROGRAM

- Memperkasa dan memperkukuh keupayaan dan kemampuan pegawai SME Corp. Malaysia dikalangan Kauselor Khidmat Nasihat untuk melaksanakan khidmat nasihat bersasar yang efektif dan menyeluruh serta mampu melaksanakan diagnostik perniagaan bagi pembangunan usahawan dan Perusahaan, Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mampan.
- Memastikan pemindahan pengetahuan dan peningkatan kemahiran yang berkualiti dilaksanakan secara berterusan bagi membangunkan pelapis Kauselor Khidmat Nasihat yang berpotensi selain memberi nilai tambah bagi meningkatkan imej organisasi dalam memastikan ketersediaan Kauselor yang memenuhi permintaan perkhidmatan khidmat nasihat oleh pemain industri.

2. SKOP UMUM

- Peserta akan didedahkan dengan rekabentuk dan analisis model perniagaan bagi memulakan perniagaan baharu atau menambahbaik operasi perniagaan sedia ada bagi pertumbuhan yang mampan. Pendedahan kepada peserta juga akan meliputi kaedah perancangan perniagaan secara kritis, penilaian keseluruhan perniagaan, pengurusan risiko bagi mengurangkan kadar kegagalan terutamanya di kalangan perniagaan peringkat permulaan, analisa penilaian keupayaan pengurusan kewangan dan penilaian kredit, inisiatif dana/pembiayaan perniagaan yang kreatif, teknik pemasaran berkesan (*omnichannel marketing*), praktikal dan mesra kos; serta pengenalan berkaitan syarikat/industri melalui pembentangan diagnostik dan cadangan penambahbaikan perniagaan syarikat.
- 50 peserta awal akan menjalani Ujian Psikometrik yang dibangunkan oleh penyebutharga dan akan melalui tapisan berdasarkan minat, kesungguhan dan kecenderungan para peserta. Hanya 15 orang peserta akhir akan dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan Unit BC SME Corp. Malaysia untuk menyertai program ini.
- Para peserta perlu menghadiri bengkel yang dijadualkan dan melakukan persediaan sebaiknya untuk menyiapkan pembentangan laporan diagnostik lapangan syarikat

dan cadangan penambahbaikan perniagaan syarikat terbabit. Antara skop pembentangan adalah meliputi diagnostik pengurusan dan operasi menggunakan *Business Model Canvas (BMC)* atau *Strength, Weakness, Opportunity, and Threat (SWOT) Analysis* atau alat diagnostik lain yang bersesuaian; audit dan analisa penilaian keupayaan kewangan syarikat; dan kaedah pemasaran berkesan untuk dibentangkan kepada pemilik syarikat pada akhir Program serta pihak Pengurusan SME Corp. Malaysia.

- Setelah kesemua peserta mengikuti program ini dan telah membuat pembentangan pada pemegang taruh yang berkaitan, sesi graduasi Kaunselor Khidmat Nasihat akan turut diadakan.
- Melibatkan 12 hari (maksimum) yang meliputi latihan di dalam kelas (indoor) dan praktikal diagnostik di syarikat yang terpilih.

Tentatif Program (tertakluk kepada pindaan)

Jumlah peserta: Pemilihan awal dalam kalangan 50 orang peserta dan anggaran 15 orang yang akan terpilih bagi program akhir

Lokasi : Akan ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia atau Penyebutharga

Hari	Makluman
Pra Program	Penerangan & Ujian Psikometrik Pegawai
Hari 1	<i>Ice Breaking</i> & Modul 1 (Pengurusan dan Operasi)
Hari 2	Modul 2 (Analisa Penilaian Keupayaan Pengurusan Kewangan & Penilaian Kredit)
Hari 3	<ul style="list-style-type: none">• Modul 3 (<i>Omnichannel Marketing</i>) & pengenalan syarikat / industri serta <i>case study</i>• Proses dan alat diagnostik cadangan untuk lapangan
Hari 4-5	Aktiviti diagnostik lapangan di syarikat/industri
Hari 6	Persediaan pembentangan diagnostik dan cadangan penambahbaikan
Hari 7	Pembentangan diagnostik dan cadangan penambahbaikan <ul style="list-style-type: none">• Rumusan/kupasan pembentangan oleh tenaga pengajar
Penutup	Majlis graduasi dan pengiktirafan peserta

Maklumat Tambahan:

- Penyebutharga akan terlibat dalam mengurus, melaksana dan menyelaras keseluruhan Program Peningkatan Kaunselor Khidmat Nasihat.

- Penyebutharga akan terlibat dalam mengurus, melaksana dan menyelaras keseluruhan program graduasi Kaunselor Khidmat Nasihat.

3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- Kontrak perkhidmatan latihan dan tenaga pengajar adalah bagi tempoh 6 bulan bermula (Julai - Disember 2022).
- Bayaran dibuat secara *one-off* selepas kesemua skop perkhidmatan disempurnakan dengan memenuhi keperluan dan spesifikasi ditetapkan.
- Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima inbois, nota penghantaran (DO) serta dokumen berkaitan daripada penyebutharga.

4. SYARAT-SYARAT LAIN

- Pemilihan penyebutharga adalah di kalangan subsidiari Universiti Awam atau Pusat Keusahawanan Universiti Awam di Malaysia.
- Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan (Skop Khusus) di bawah.
- Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada penyebutharga pada bila-bila masa sekiranya penyebutharga tidak mengikut Spesifikasi Teknikal yang ditetapkan.
- Sekiranya penyebutharga gagal membekalkan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan bayaran berdenda berdasarkan formula berikut:

$$\frac{V(T + D)}{T} \times 5\%$$

V: Nilai harga bekalan/perkhidmatan yang lewat dibekalkan;

T: Tempoh bekalan/perkhidmatan mengikut kontrak dalam hari; dan

D: Bilangan hari yang lewat.

NO.	BUTIRAN SKOP KHUSUS	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT / CADANGAN (PROPOSAL)
	<ul style="list-style-type: none"> - Jadual adalah termasuk slot tambahan daripada Syarikat/Industri ; dan - Membuat jemputan dan mengesahkan kehadiran penceramah slot tambahan (jika ada). <p>2.5 Penyebutharga perlu membantu memilih dan menyelaras Panel yang terdiri daripada (1) Tenaga Pengajar, (1) Wakil Syarikat dan (1) Wakil SME Corp. Malaysia untuk pembentangan akhir diagnostik & cadangan penambahbaikan Syarikat / Industri.</p>	<input type="checkbox"/>	
3.	<p>PENYEDIAAN MAKAN DAN MINUM</p> <p>3.1 Penyebutharga bertanggungjawab menyediakan makan dan minum harian yang meliputi 3 sajian iaitu minum pagi, makan tengahari dan minum petang selama 12 hari untuk 25 atau 30 orang (peserta, wakil SME Corp. Malaysia dan Tenaga Pengajar) sepanjang tempoh program.</p>	<input type="checkbox"/>	
4.	<p>BENGGEL PERNIAGAAN [Sehingga maksimum 12 hari latihan di dalam kelas)</p> <p>4.1 <u>PENYEDIAAN BAHAN-BAHAN PEMBELAJARAN</u></p> <p>4.1.1 Penyebutharga perlu menyediakan bahan-bahan pembelajaran untuk peserta dan Tenaga Pengajar :</p>	<input type="checkbox"/>	

NO.	BUTIRAN SKOP KHUSUS	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT / CADANGAN (PROPOSAL)
	<p>4.2.2 Penyebutharga perlu memastikan kehadiran Panel Penilai - sekurang-kurangnya dua (2) hari sebelum tarikh Sesi Pembentangan dilaksanakan.</p> <p>4.2.4 Penyebutharga perlu mencetak dan mengedarkan Borang Penilaian Sesi Pembentangan kepada Panel Penilai di setiap stesen. <i>(Borang Penilaian disediakan oleh SME Corp. Malaysia)</i></p> <p>4.2.5 Penyebutharga perlu mengumpul dan merekod markah yang diperolehi oleh setiap peserta di setiap stesen. Markah keseluruhan penilaian perlu diserahkan kepada Pegawai SME Corp. Malaysia yang bertugas pada akhir Sesi Pembentangan. <i>(Format asas laporan disediakan oleh SME Corp. Malaysia)</i></p>	<p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p>	
5.	<p>PENYEDIAAN LAPORAN HARIAN DAN KESELURUHAN</p> <p>5.1 Penyebutharga perlu bekerjasama dengan pegawai SME Corp. Malaysia yang bertugas bagi melaporkan sebarang permasalahan / kekangan yang dihadapi sepanjang Program dilaksanakan serta :</p> <p>5.1.1 Menyediakan laporan kehadiran peserta dan jika berlaku ketidakhadiran, sebab ketidakhadiran perlu direkodkan dengan jelas dan dilaporkan.</p> <p>5.1.2 Mencetak, mengedar dan mengumpul : i) Borang dan Laporan Maklumbalas Setiap Peserta bagi pelaksanaan latihan; dan - Borang Maklumbalas Peserta (Pelaksanaan Program) akan disediakan oleh SME Corp. Malaysia.</p>	<p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p>	

NO.	BUTIRAN SKOP KHUSUS	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT / CADANGAN (PROPOSAL)
	<p>ii) Borang Penilaian terhadap peserta bagi tujuan Penganugerahan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Idea Pembentangan & Kumpulan Terbaik (Diagnostik & Inovasi); dan - Peserta Terbaik (Format Asas Penilaian akan diberikan oleh SME Corp. Malaysia) <p>5.1.3 Penyebutharga perlu menyediakan laporan analisa terhadap hasil maklumbalas 5.1.2 (i & ii) dan mengemukakan kepada SME Corp. Malaysia tidak lebih daripada lima (5) hari selepas tamat Program.</p>	<input type="checkbox"/>	

NO.	BUTIRAN SKOP KHUSUS	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT / CADANGAN (PROPOSAL)
	<p>7.1.2 Mengurus dan melaksana tugas-tugas pengurusetiaan sebelum dan semasa graduasi termasuk perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengatur taklimat mengenai perjalanan raptai dan Majlis - Memastikan keperluan peralatan atas pentas siap sedia semasa raptai/ Majlis - Menguruskan susunan kedudukan tetamu secara protokol di sepanjang majlis - Menyediakan kelengkapan jubah graduasi - Menguruskan sesi pemulangan jubah graduasi - Sesi fotografi berkumpulan <p>7.1.3 Menguruskan jamuan minum petang untuk Tetamu Kehormat dan Tetamu dirai; dan</p> <p>7.1.4 Menyediakan seorang wakil tetap yang bertanggungjawab (<i>Person In-Charge</i>) untuk keseluruhan perjalanan Program.</p>	<p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p>	
8.	<p>SIJIL PENGIKTIRAFAN & ANUGERAH KAUNSELOR KHIDMAT PERNIAGAAN</p> <p>8.1 Penyebutharga perlu mencetak dan membekal 15 sampul sijil (<i>certificate folder</i>) serta Sijil Pengiktirafan untuk semua peserta yang berjaya menamatkan kursus.</p> <p>8.2 Sijil pengiktirafan diperakukan/dikopetensikan oleh pihak universiti sekurang-kurangnya diperingkat SENAT atau Pusat Keusahawanan Universiti. Sijil ini perlu disiapkan untuk peserta selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum hari penyampaian sijil dan graduasi.</p>	<p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p>	

NO.	BUTIRAN SKOP KHUSUS	TANDAKAN (✓ ATAU X) BAGI SKOP KERJA DIPERSETUJUI	MAKLUMAT LANJUT / CADANGAN (PROPOSAL)
	8.3 Penyebutharga perlu menyediakan hadiah/plaque bagi: - Idea Pembentangan & Kumpulan Terbaik (Diagnostik & Inovasi); dan - Peserta Terbaik		
9.	HAL-HAL LUAR JANGKA Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa.	<input type="checkbox"/>	

(SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAKAN (✓ / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)

NOTA PENTING:

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh program. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidakpastian dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.
3. Penyebutharga perlu bekerjasama dengan semua pihak yang dilantik oleh SME Corp. Malaysia sepanjang Program latihan berlangsung.

* sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi.

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :